

Tiada kemungkinan OPR turun tahun ini - Penganalisis

Oleh HENDRA WINARNO
hendra.winarno@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Bank Negara Malaysia (BNM) tidak mungkin menurunkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) tahun ini disebabkan andaian Rizab Persekutuan (Fed) Amerika Syarikat (AS) akan diturunkan, kata penganalisis.

Penganalisis Ekonomi UniKL Business School, Prof. Madya Dr. Aimi Zulhazmi Abdul Rashid berkata, kadar faedah Fed antara 4.25 peratus ke 4.5 peratus masih lebih tinggi dari OPR semasa iaitu pada 3.0 peratus.

"Fed AS mengatakan pihaknya akan menurunkan kadar faedah sekiranya kadar inflasi di AS menurun ke arah mencapai sasarannya 2.0 peratus, malah kadar semasa tidak akan dinaikkan lagi melebihi 5.5 peratus semasa berdasarkan unjuran tahun 2024."

"Unjuran para pengurus dana global bahawa Fed akan menurunkan kadar faedahnya bermula jun 2024, masih lagi tidak pasti," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini, semalam.

Beliau berkata, keputusan itu bergantung kepada ekonomi AS yang terus mengembang mengikut data-data dikeluarkan seperti kadar pengangguran yang menurun, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bulanan yang terus naik dan pertambahan jumlah pekerjaan baharu.



OPR semasa berada pada 3.0 peratus sejak dinaikkan kali terakhir pada Mei 2023.

Katanya, perkara itu yang menjadi faktor untuk terus mendorong kadar inflasi AS untuk kekal di atas 3.0 peratus setakat ini.

"Bagaimanapun, ia akan menguatkan ringgit serta mata wang lain berbanding dolar AS, serentak dengan pemotongan

kadar faedah oleh Fed.

"Kemungkinan bank-bank pusat negara industri seperti United Kingdom (UK), Jerman, Canada, Australia dan lain-lain akan menurunkan kadar faedah mereka seiring dengan Fed AS, justeru ini akan merencanakan ekonomi dunia dan kadar

pinjaman yang lebih rendah," katanya.

Beliau berkata, ia turut akan mengembalikan pertumbuhan perdagangan global yang lebih sihat, termasuk menjadi pencebus kepada eksport Malaysia kembali berkembang.

Penganalisis Ekonomi, Prof.

Madya Dr. Abu Sofian Yaacob turut berpandangan sama dengan menjangkakan BNM tidak menurunkan OPR tahun ini, berikutan ekonomi negara yang dilihat masih belum berada pada tahap memberangsangkan lagi.

"Bagaimanapun, jika turun, ia mungkin juga menggalakkan orang ramai dan korporat membuat pinjaman baharu untuk menambah modal pusingan," katanya.

Dalam pada itu, Pensyarah Kanan Sekolah Perniagaan dan Ekonomi Universiti Putra Malaysia, Dr. Mohamad Khair Afham Muhammad Senan turut berkata, OPR dijangkakan kekal pada 3.0 peratus, walaupun Fed AS menurunkan kadar faedah mereka.

Beliau berkata, penurunan OPR akan merencatkan sedikit proses pemulihan nilai ringgit.

"Jurang antara kadar faedah Fed AS turun dengan OPR kekal sepatutnya akan lebih mengecil dan akan membantu mengukuhkan nilai ringgit.

"Tetapi, jika OPR turut sama turun, proses ini akan menjadi lebih terencat," katanya.

Khair menambah, jika OPR turun, ia tidak semestinya mampu merencanakan lagi ekonomi sekurang-kurangnya dengan efek yang mencukupi disebabkan dari sudut fiskal rakyat yang sudah sedia terbeban dengan kenaikan cukai.